



**[RELIGIOUS DEVOTION AMONG MALAYSIAN MUSLIM WOMEN ENTREPRENEURS
DEALING IN HEALTH PRODUCTS]**

**KEPATUHAN BERAGAMA DALAM KALANGAN USAHAWAN WANITA MUSLIM
DALAM MEMBANGUNKAN PRODUK KESIHATAN DI MALAYSIA**

YUSMA FARIZA YASIN^{1*}
MOHD SHUKRI HANAPI²

¹Fakulti Sains Sosial,
Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SHARPS),
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

²Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

*Corresponding author: yusmafariza@utm.my

Received Date: 6 June 2023 • Accepted Date: 31 October 2023

Abstract

Every Muslim individual should be resolutely devoted to the religion of Allah SWT, or Islam, in order to achieve sustainable success in the field of entrepreneurship. The element of being resolutely devoted to Islam is closely related to the concept of the *Syahadah* (two words of *Syahadah*), as outlined in Islam. Successful Muslim women entrepreneurs dealing in health products undoubtedly face various challenges and have to overcome numerous obstacles that continuously surface in the business world. The challenge of being a successful Muslim entrepreneur is not only reflected in the amount of profit, but it is also necessary to be resolutely devoted to the teachings of Islam. Hence, how can Malaysian Muslim women entrepreneurs dealing in health products become successful? Do they always adhere to religious practices in their daily lives? This study aimed to examine the religious practices of Malaysian Muslim women entrepreneurs dealing in health products. This qualitative study employed the interview method for collecting data, which involved 10 successful Malaysian Muslim women entrepreneurs dealing in health products, and the data were then analysed using the content analysis method. Findings indicated that Malaysian Muslim women entrepreneurs dealing in health products do implement religious practices in their daily lives. Among the practices are performing the five mandatory daily prayers, paying zakah, fasting during the month of Ramadan, performing the *Hajj* (those who are able to and at least once in a lifetime) and living an ascetic (*zuhd*) lifestyle by observing the *amar makruf* and *nahi munkar* principle.

Keywords: Resolutely religious, health products, entrepreneur, ascetic lifestyle, *syahadah*

Abstrak

Setiap individu yang beragama Islam perlu memiliki elemen berpegang teguh pada agama Allah SWT bagi mencapai kejayaan dalam bidang keusahawanan. Elemen berpegang teguh pada agama Allah SWT yang dimaksudkan adalah berkait rapat dengan konsep dua kalimah syahadah yang digariskan dalam agama Islam. Kejayaan yang dikecapi oleh usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan sudah tentu mempunyai pelbagai cabaran dan terpaksa menempuhi segala rintangan dalam dunia perniagaan. Sungguh pun begitu, cabaran sebagai seorang usahawan Muslim berjaya bukan sahaja dilihat dari segi jumlah pendapatan dalam perniagaan semata-mata, namun perlu juga berpegang teguh kepada ajaran Islam. Persoalannya, bagaimanakah usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan mampu berjaya dalam bidang keusahawanan? Adakah mereka sentiasa berpegang teguh dengan melaksanakan amalan keagamaan dalam kehidupan seharian? Oleh itu, artikel ini bertujuan mengkaji amalan-amalan yang dilaksanakan oleh usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui temu bual bersama dengan 10 orang wanita Muslim yang berjaya dalam membangunkan produk kesihatan di Malaysia. Data yang didapati kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Sebagai hasilnya, kajian ini mendapati usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan di Malaysia melaksanakan amalan-amalan keagamaan dalam kehidupan seharian. Antara amalan yang diamalkan termasuklah pertama, mendirikan solat lima waktu; kedua, menunaikan zakat; ketiga, berpuasa di bulan Ramadan; keempat, menunaikan ibadah haji bagi yang berkemampuan; dan kelima, zuhud dalam kehidupan dengan melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

Kata Kunci: Kepatuhan beragama, produk kesihatan, usahawan, *syahadah*

Cite as: Yusma Fariza Yasin & Mohd Shukri Hanapi. 2023. Kepatuhan Beragama Dalam Kalangan Usahawan Wanita Muslim Dalam Membangunkan Produk Kesihatan Di Malaysia [Religious Devotion Among Malaysian Muslim Women Entrepreneurs Dealing In Health Products]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1): 75-88.

PENGENALAN

Di Malaysia, bidang keusahawanan merupakan suatu bidang yang boleh mempertingkatkan taraf hidup wanita Muslim. Keadaan ini selari dengan kecenderungan wanita Muslim kerana bidang keusahawanan merupakan bidang yang diminati oleh kaum tersebut (Muhammad Abu Syauqi Banna, 2012: 61). Tambahan pula, sejumlah 80 peratus daripada usahawan berdaftar di bawah Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) adalah terdiri daripada golongan wanita (Fatin Hafizah Mohd Shahar, 2017).

Di samping itu, terdapat peningkatan bilangan usahawan wanita Muslim yang menjadi pemilik perniagaan. Peningkatan ini diukur berdasarkan aspek bilangan perniagaan, penajaan hasil dan pekerja. Peningkatan golongan wanita Muslim dalam aktiviti keusahawanan mempunyai beberapa faktor iaitu pertama, kemahiran berkomunikasi secara berkesan dengan pihak yang berkepentingan; kedua, kemahiran kemanusiaan iaitu dapat membaca emosi dengan melihat riak muka seseorang dan berkebolehan dalam memaparkan gaya, perlakuan dan suara mengikut kesesuaian situasi; ketiga, mempunyai fikiran secara serentak atau pemikiran jaringan iaitu kebolehan mengumpulkan data dan maklumat dari persekitaran dan membina perkaitan antara maklumat dengan satu maklumat yang lain; keempat, memiliki

kemahiran berunding; dan kelima, berkebolehan membina hubungan yang baik dengan pihak yang tertentu. Kesemua kelebihan tersebut menjadi penyebab kebanyakan wanita Muslim mampu menjadi usahawan yang berjaya dan memiliki pelbagai perniagaan di Malaysia (Norita Deraman et al., 2010: 266-267).

Tambahan pula, peningkatan bilangan wanita dalam bidang keusahawanan dapat membantu perkembangan ekonomi negara sekali gus menggalakkan lebih ramai penyertaan golongan wanita dalam bidang ini (Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al., 2017:400). Ramai wanita Muslim memilih keusahawanan sebagai kerjaya bagi mengelakkan diri daripada pengangguran. Fenomena ini kebiasaannya berlaku apabila wanita Muslim ingin kembali bekerja setelah melahirkan anak. Bagi wanita, bidang keusahawanan membolehkan mereka menggunakan masa dengan baik untuk keluarga dan bertanggungjawab dalam pekerjaan (Dafna Kariv, 2011).

Di Malaysia, ramai usahawan wanita Muslim melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Peningkatan bilangan usahawan wanita Muslim dalam bidang keusahawanan menunjukkan perkembangan positif bagi perkembangan ekonomi negara (Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al., 2017:400). Sebagai bukti, Rozita Ibrahim merupakan salah seorang daripada usahawan wanita Muslim yang bergelar jutawan dalam mengusahakan Syarikat Sendayu Tinggi (Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al., 2017:400).

Selain itu, Datin Sharifah Anisah Tan Sri Dato' Profesor Syed Agil Barakbah juga merupakan antara usahawan wanita Muslim yang berjaya dalam mengusahakan produk kesihatan di Malaysia. Beliau merupakan pengasas produk NR Mustajab atau pun dikenali sebagai produk Nona Roguy sebelum ini (Sharifah Anisah Syed Agil Barakbah, 2019). Di samping itu, Datin Maziah Mohamed juga merupakan antara usahawan wanita Muslim yang berjaya dalam perniagaan produk kesihatan di Malaysia. Selain itu, Muniroh Kasim juga merupakan salah seorang daripada usahawan wanita Muslim yang berjaya dalam produk kesihatan. Beliau telah memperkenalkan produk Natasya.

Kejayaan yang dikecapi oleh beberapa usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan sudah tentu mempunyai pelbagai cabaran dan terpaksa menempuhi segala rintangan dalam dunia perniagaan. Sungguh pun begitu, cabaran sebagai seorang usahawan Muslim berjaya bukan sahaja dilihat dalam bidang perniagaan semata-mata, namun harus berpegang teguh kepada ajaran Islam. Terdapat usahawan Muslim yang mengabaikan aspek agama disebabkan terlalu mengejar kejayaan dalam perniagaan yang diusahakan (Yazilmiwati @ Hasni Yaacob, 2016:106). Oleh sebab itu, kajian yang dilakukan ini ingin melihat sama ada usahawan wanita Muslim produk kesihatan turut berpegang teguh pada agama Allah SWT atau pun sebaliknya. Menurut Azrain Mustapa (2010), seseorang usahawan Muslim perlu memiliki faktor personaliti atas dasar '*amal ma'ruf nahi mungkar*' dalam mengejar kejayaan. Penerapan nilai Islam dalam perniagaan harus dilaksanakan agar beroleh rezeki yang berkat sejak awal proses memulakan perniagaan sehinggalah kepada proses berikutnya (Yazilmawati @ Hasni Yaacob, 2016:11). Tambahan pula, bagi seseorang usahawan Muslim, kejayaan dalam bidang keusahawanan bukan diukur dalam aspek material semata-mata, bahkan lebih kepada perjuangan dan tanggungjawab dalam menegakkan nilai-nilai akhlak Islam (Muhammad Ali Hashim, 2002).

SOROTAN KARYA

Agama bermaksud pegangan berbentuk institusi dan mempunyai amalan ibadat mengikut kepercayaan tertentu. Agama juga merupakan hubungan manusia dengan Pencipta dan merupakan fitrah sejak azali lagi. Oleh yang demikian, setiap manusia yang beragama Islam mengakui kewujudan dan keesaan Allah SWT (Yatimah Sarmani Mohd Tajudin Ninggal, 2008:12). Faktor kepatuhan beragama yang dilihat dalam kajian ini adalah berpegang teguh pada agama Allah SWT.

Bagi mencapai faktor kepatuhan beragama, setiap individu yang beragama Islam perlu memiliki elemen berpegang teguh pada agama Allah SWT. Elemen berpegang teguh pada agama Allah SWT yang dimaksudkan adalah berkait rapat dengan konsep dua kalimah syahadah yang digariskan dalam agama Islam. Menurut Shamsul Kamarudin (2011), bagi seseorang Muslim yang membuktikan ungkapan dua kalimah syahadah dan melaksanakan rukun Islam, Allah SWT menjanjikan kejayaan baginya sama ada di dunia mahupun di akhirat. Antara tuntutan dua kalimah syahadah yang dimaksudkan adalah melalui beberapa ciri berikut. Pertama, mendirikan solat lima waktu; kedua, menunaikan zakat; ketiga, berpuasa di bulan Ramadan; keempat, menunaikan ibadah haji ke Mekah bagi yang berkemampuan sebanyak sekali seumur hidup dan kelima zuhud dalam kehidupan dengan melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar*. Tambahan pula, seseorang yang mengamalkan agama dapat dilihat berdasarkan penghayatan agama yang merangkumi pegangan, prinsip dan peraturan serta pelaksanaan secara amali kepada semua yang diyakini dari segi akidah dan segala yang dipatuhi dari segi akhlak dan syariah (Nazneen Ismail et al., 2019:81). Oleh itu, berlandaskan ciri-ciri berikut, beberapa soalan temu bual dikemukakan kepada setiap informan agar melihat sama ada mereka memiliki faktor kepatuhan beragama atau pun sebaliknya.

Nilai berpegang teguh pada agama Allah SWT dapat dilihat dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dengan yang demikian, berpegang teguhlah engkau kepada al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu; kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus.” (al-Zukhruf, 43:43)

Dalam menjelaskan ayat ini, Ibn Kathir (2011: 214) berpendapat setiap manusia perlu berpegang teguh kepada al-Quran yang diwahyukan ke dalam hati kerana al-Quran merupakan kebenaran menuju ke jalan Allah SWT yang lurus.

Ukuran kejayaan usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan tidak diukur berdasarkan jumlah pendapatan bulanan semata-mata, namun penyelidik turut menjadikan bilangan jumlah pekerja dan ejen sebagai pengukuran kepada kejayaan informan yang dipilih. Tambahan pula, ukuran kejayaan informan juga diukur berdasarkan ciri-ciri usahawan berjaya menurut Islam. Terdapat lima kriteria ciri usahawan berjaya menurut Islam iaitu pertama, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT; kedua, memiliki akhlak yang baik dan mengikut syariat Islam; ketiga, memberi sumbangan kepada masyarakat; keempat, mendekati diri kepada Allah SWT; dan kelima, memiliki sikap positif dan bermotivasi (Mohd. Zain Mubarak, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menemu bual sejumlah 10 orang usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan di Malaysia. Temu bual dilaksanakan secara separa berstruktur. Beberapa kriteria pemilihan usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan ditentukan terlebih dahulu bagi mencapai objektif kajian yang dilaksanakan.

Selain itu, usahawan wanita Muslim yang dipilih haruslah usahawan wanita yang beragama Islam. Bagi menganalisis kejayaan usahawan wanita Muslim produk kesihatan di Malaysia, setiap informan dirahsiakan identiti bertujuan menghormati kerahsiaan identiti masing-masing. Sungguh pun begitu, bagi tujuan analisis data, setiap informan diberikan kod penomboran mengikut kategori kumpulan iaitu UW01¹, UW02², UW03³, UW04⁴, UW05⁵, UW06⁶, UW07⁷, UW08⁸, UW09⁹ dan UW10¹⁰. Kod penomboran ini diberikan penyelidik sendiri bagi memudahkan proses analisis data dilaksanakan. Data temu bual dan data kajian dokumen dianalisis dengan menggunakan analisis data kualitatif

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan temu bual yang dilaksanakan, didapati bahawa setiap informan berpegang teguh pada agama Allah SWT seperti menunaikan solat fardu dan solat sunat, mengeluarkan zakat, berzikir, membaca al-Quran serta sebagainya. Misalnya, informan UW05 (2019), beliau menyatakan bahawa sentiasa mematuhi syariat Islam sebaik mungkin sama ada dalam mahu pun di luar syarikat. Lebih jelas lagi, informan UW06 (2019) pula menyatakan beliau sentiasa berusaha menjaga solat fardu lima kali sehari sebaik mungkin. Amalan menjaga solat fardu yang dilaksanakan oleh informan UW06 (2019) ini jelas menunjukkan bahawa beliau tetap melaksanakan kewajipan sebagai seorang hamba dan khalifah Allah SWT meskipun sibuk dalam menguruskan perniagaan. Solat merupakan ibadah yang paling agung dan merupakan perkara utama yang akan disoal oleh Allah SWT kepada hamba-Nya di akhirat kelak (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2018). Firman Allah SWT mengenai keutamaan solat adalah seperti berikut:

¹ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 14 Januari 2019 (11.00 a.m) dalam tempoh 1 jam 24 minit di Gong Badak, Kuala Terengganu.

² Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 18 Januari 2019 (12.00 p.m) dalam tempoh 40 minit di Damansara, Kuala Lumpur.

³ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 24 Januari 2019 (2.00 p.m) dalam tempoh 40 minit di Baling, Kedah.

⁴ Temu bual melalui e-mel telah dijalankan pada 7 Februari 2019.

⁵ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 21 Februari 2019 (3.30 p.m) dalam tempoh 2 jam 16 minit di Plaza Damas, Kuala Lumpur.

⁶ Temu bual melalui telefon telah dijalankan pada 22 April 2019 dalam tempoh 1 jam 10 minit.

⁷ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 3 Januari 2019 (12.00 p.m) dalam tempoh 30 minit di Kajang, Selangor.

⁸ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 18 Januari 2019 (4.00 p.m) dalam tempoh 45 minit di Sungai Buloh, Selangor.

⁹ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 16 Januari 2019 (2.30 p.m) dalam tempoh 1 jam 8 minit di Pasir Tumboh, Kelantan.

¹⁰ Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 5 Mac 2019 (2.30 p.m) dalam tempoh 1 jam di Kuala Ibai, Terengganu.

“Peliharalah kamu (kerjakanlah dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala solat fardu, khususnya solat Wusta (solat Asar) dan berdirilah kerana Allah (dalam solat kamu) dengan taat dan khusyuk.”
(al-Baqarah, 2:238)

Ayat 238 pada Surah al-Baqarah ini memberi maksud bahawa bagi menjaga kepentingan jiwa dan ketenteraman rumah tangga, manusia perlu menunaikan solat agar dapat merasakan hubungan yang sebenarnya dengan Allah SWT (HAMKA, 2017:324-325). Tambah HAMKA (2017) lagi, Allah SWT telah menentukan kesemua solat yang perlu dipelihara iaitu solat lima waktu yang telah diketahui oleh seluruh umat-Nya. Menurut Ibn Kathir (2011) pula, menerusi ayat tersebut Allah SWT jelas memerintahkan para hamba-Nya untuk menjaga semua solat mengikut waktunya masing-masing, memelihara ketentuannya dan mengerjakan solat tepat pada waktu yang telah ditetapkan.

Dapatan temu bual membuktikan bahawa informan UW04 (2019) turut menitik beratkan solat fardu sama seperti informan UW06 (2019) dalam kehidupan sehariannya. Selain menjaga solat fardu, informan UW04 (2019) turut memastikan pekerjaanya menunaikan Solat zohor dan asar secara berjemaah serta mengamalkan bacaan Surah al-Kahf pada setiap Jumaat. Amalan yang dilaksanakan ini menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja menitik beratkan solat fardu semata-mata, malah beliau turut mengutamakan solat secara berjemaah. Tambahan pula, informan UW04 (2019) turut mengajak para pekerjaanya mengamalkan solat secara berjemaah. Selaku pemilik perusahaan, amalan yang dilaksanakan ini jelas memberi impak positif kepada pekerja kerana terdapat dua kelebihan sekiranya seseorang individu melaksanakan solat secara berjemaah. Pertama, memperoleh fadilat solat berjemaah dan kedua, mendapat fadilat masjid itu sendiri (Mohd Gunawan Che Ab Aziz, 2003:34-35). Sebagai contoh, informan UW03 (2019) menggalakkan pekerjaanya mengerjakan solat secara berjemaah. Dua hadith berikut menunjukkan kelebihan solat secara berjemaah yang bermaksud:

10

“Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat.” (Riwayat Muslim, no. Hadith: 1509)

Daripada Abu Umamah r.ah berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang berjalan (menuju) kepada solat fardu berjemaah, maka (perbuatan) itu (mendapat pahala) seperti (pahala) sekali haji dan sesiapa yang berjalan (menuju) kepada solat sunat (berjemaah), maka perbuatan itu (mendapat pahala) seperti (pahala) umrah yang sunat”
(Hadith Riwayat al-Thabrani, no Hadith: 7578)

Kedua-dua hadith ini menjelaskan mengenai nilai dan kepentingan solat secara berjemaah. Menurut Haidzir Hussin (2014:1), melalui solat secara berjemaah, perbezaan martabat manusia dari sudut nilai ibadah membolehkan mereka turut mendapat pahala orang yang solat secara sempurna.

Selain melakukan solat secara berjemaah, informan turut mengeluarkan zakat dalam kehidupan. Zakat merupakan salah satu daripada Rukun Islam dan unsur asas dalam syariat

Islam. Hukum zakat adalah wajib iaitu fardu ke atas setiap Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Tambahan pula, zakat adalah termasuk dalam kategori ibadah seperti solat, haji dan puasa. Semua ibadah tersebut telah ditentukan secara terperinci dan jelas berdasarkan al-Quran dan Hadith (K. H. Miftah Faridi, 2014:93). Menurut Mohamad Uda Kasim (2005:12), zakat bermaksud sebahagian harta yang tertentu dan diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada golongan yang fakir. Berdasarkan maklumat daripada temu bual yang dijalankan, kesemua informan usahawan wanita Muslim produk kesihatan menunaikan zakat. Amalan ini jelas menunjukkan bahawa setiap informan mengetahui tanggungjawab sebagai usahawan Muslim dan tidak hanya melibatkan diri dalam perniagaan disebabkan oleh mengejar keuntungan material semata-mata.

Sebagai bukti, informan UW07 dan UW01 (2019) mengeluarkan zakat pada setiap bulan dan tahun. Berikut merupakan kenyataan yang dikeluarkan oleh informan UW01 (2019):

“Kita sebuah syarikat Sdn. Bhd. Zakat perniagaan memang setiap bulan kita bayar. Tiap-tiap bulan akan potong bagi zakat perniagaan. Zakat pendapatan pula kita akan bayar setahun sekali.”

Berdasarkan kenyataan informan UW01 (2019) ini, jelas terbukti bahawa beliau menunaikan zakat perniagaan pada setiap bulan dan melaksanakan zakat pendapatan sebanyak setahun sekali. Amalan yang dilaksanakan oleh informan UW01 (2019) mencerminkan bahawa beliau sedar tanggungjawabnya sebagai seorang usahawan yang wajib mengeluarkan zakat perniagaan dan zakat pendapatan. Zakat perniagaan merupakan zakat yang wajib dikeluarkan oleh setiap individu yang melaksanakan urusan jual beli hasil daripada harta perniagaan mahupun melibatkan barangan atau perkhidmatan (Laman Portal Rasmi Pusat Pungutan Zakat, 2020). Oleh itu, hasil dapatan temu bual mendapati bahawa semua informan usahawan wanita Muslim yang mengusahakan produk kesihatan menyedari tanggungjawab masing-masing untuk mengeluarkan zakat perniagaan.

Bagi informan UW08 (2019), beliau mengeluarkan zakat setahun sekali, manakala bagi informan UW10 (2019) pula, beliau mengeluarkan zakat sebanyak dua minggu sekali atau pun sebulan sekali bergantung pada keadaan. Sekiranya jualannya mendapat keuntungan, beliau turut memberi sumbangan kepada rumah tahfiz atau pun fakir miskin. Amalan mengeluarkan zakat yang dilaksanakan oleh informan UW10 (2019) menunjukkan bahawa beliau merupakan individu yang pemurah dan mengambil kira keadaan masyarakat di sekeliling. Informan UW06 (2019) turut menekankan amalan zakat dalam kehidupan. Menurut beliau, zakat merupakan salah satu daripada tips untuk memperoleh kejayaan dalam bidang perniagaan.

“Zakat itu penting. Itu merupakan tips yang selalu saya guna. Kalau saya pergi ke mana-mana pun, saya akan pastikan tips tu memang kena ada. Kalau zakat *you* tak letak tepi, tak berjaya. Tak berkat. Lagipun itu duit orang jangan ambil.” (UW06, 2019)

Menurut kenyataan daripada informan tersebut, beliau menitik beratkan amalan zakat dalam perniagaan bagi memastikan perniagaan yang diusahakan mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Kenyataan yang dikeluarkan juga menunjukkan bahawa amalan zakat

merupakan amalan yang perlu dilaksanakan oleh semua usahawan sekiranya ingin berjaya dalam bidang perniagaan. Firman Allah SWT berkaitan zakat adalah sebagaimana yang bermaksud:

“Sesungguhnya, beruntunglah orang yang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna. Dan orang-orang yang menunaikan zakat.” (al-Mu’minun, 23:1-4)

Menurut Wan Nasyrudin Wan Abdullah *et al.*, (2014:42-43), ayat 1-4 daripada Surah al-Mu’minun ini menjelaskan mengenai antara hikmah pensyariatkan zakat adalah bagi menyucikan jiwa manusia. Secara fitrahnya, manusia suka mengumpulkan harta iaitu keinginan yang tinggi untuk mengumpulkan harta menyebabkan manusia bimbang jika hartanya berkurangan. Allah SWT menyatakan bahawa ciri-ciri orang yang bertakwa adalah orang yang mengeluarkan zakat. Justeru, zakat merupakan perintah daripada Allah SWT kepada umat Nabi Muhammad SAW supaya berlumba-lumba menjadi hamba-Nya yang bertakwa dengan mengeluarkan zakat.

Selain itu, berpegang teguh pada agama Allah SWT juga dilihat apabila ada antara informan melakukan amalan sunat seperti solat sunat dhuha, solat sunat hajat, solat sunat istikharah dan Solat Sunat tahajjud, berzikir dan berselawat. Amalan yang dilaksanakan ini membuktikan bahawa setiap informan memiliki ciri-ciri usahawan Muslim dalam kehidupan. Menurut Ahmad Adnan Fadzil dan Amly Asenar (2016), amalan solat-solat sunat dapat menampung kekurangan solat fardhu ketika dihisab nanti.

Di samping itu, dapatan temu bual turut mendapati bahawa terdapat informan yang melaksanakan amalan tambahan melalui amalan berzikir dan berdoa. Sebagai bukti, informan UW10 (2019) sering memperbanyakkan amalan berzikir dan berdoa. Kenyataannya adalah seperti berikut:

*“Kalau *business* berkait rapat dengan hubungan kita dengan Allah. Lagi banyak kita zikir, lagi banyak kita minta dengan Dia, lagi mudah urusan *business* kita.”*

Kenyataan informan tersebut mendapati urusan perniagaan berkait rapat dengan hubungan antara usahawan dengan Pencipta iaitu urusan perniagaan menjadi lebih mudah apabila beliau banyak berzikir dan berdoa kepada Allah SWT. Amalan yang dilaksanakan oleh informan UW10 (2019) menunjukkan bahawa manusia perlu menjaga hubungan dengan Allah SWT agar perniagaan yang diusahakan sentiasa dipermudahkan oleh-Nya. Firman Allah SWT mengenai amalan berzikir adalah sebagaimana yang bermaksud:

“Semua yang berada di langit dan yang berada di bumi bertasbih memuji Allah SWT. Dan dialah yang maha perkasa lagi maha bijaksana.” (al-Hadid, 57:1)

Menurut Wahbah al-Zuhayliy *et.al* (2002:309-310), ayat 1 daripada Surah al-Hadid ini menjelaskan Allah SWT telah membersihkan diri-Nya dari segala kekurangan dan sifat yang tidak layak bagi-Nya termasuk segala sifat makhluk lemah yang ada di langit dan di bumi sama ada batu-batan, tumbuh-tumbuhan, insan atau pun haiwan. Perkara berikut merupakan rangka mengagungkan dan menyanjung diri-Nya serta memperakukan ketuhanan-Nya. Penyanjungan yang dimaksudkan adalah sama ada melalui kata-kata seperti tasbih malaikat, manusia dan jin atau dengan tindakan seperti tasbih yang terbit daripada makhluk yang lain.

Amalan berdo'a yang dilaksanakan oleh informan UW10 (2019) mempunyai persamaan dengan informan UW09 dan informan UW06 (2019). Selain mengamalkan amalan berdo'a dalam kehidupan seharian, kedua-dua informan tersebut turut berselawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kelebihan berselawat dinyatakan Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT dan para malaikat-Nya berselawat kepada Nabi; wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya dan ucapkan salam kepadanya.” (al-Ahzab, 33:56)

Ayat 56 daripada Surah al-Ahzab ini menjelaskan mengenai perintah untuk berselawat kepada Nabi Muhammad SAW. Menurut al-Bukhariy, maksud Allah SWT berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW adalah pujian yang diberikan Allah SWT kepada Baginda SAW yang diungkapkan di hadapan malaikat, manakala selawat malaikat ke atas Nabi Muhammad SAW pula bermaksud doa malaikat kepada Nabi Muhammad SAW (Ibn Kathir, 2011:353). Justeru, amalan berselawat merupakan amalan yang diperintahkan dalam al-Quran dan Hadith. Keagungan berselawat bukan sahaja diperintahkan kepada manusia, namun turut dilakukan oleh Allah SWT dan para malaikat-Nya yang suci (Iqbal Zain al-Jauhari, 2018).

Selain itu, informan UW06 (2019) turut serta mengamalkan membaca *basmalah*, Surah al-Fatihah, Surah al-Ikhlash agar urusan kehidupan di dunia dan di akhirat dipermudahkan Allah SWT. Menurut Wahbah al-Zuhayliy *et al.*, (2002:59), pengertian dan hukum hakam yang terkandung dalam Surah al-Fatihah menggalurkan hubungan manusia dengan Allah SWT. Dalam erti kata lain, keadaan ini menunjukkan tentang kaedah manusia bermunajat dengan Allah SWT dan melakarkan garis panduan untuk melayari kehidupan mereka. Al-Quran mewajibkan manusia mengikut jalan kehidupan yang benar dan adil agar manusia tidak terpesong dari jalan kebenaran.

Selain itu, dapatan temu bual turut mendapati informan UW07 (2019) sering memperbaharui niat dalam kehidupannya. Bagi aspek pelaksanaan Solat Sunat Dhuha pula, informan UW01, UW03, UW06, UW07 dan UW10 (2019) sering melaksanakan amalan tersebut dalam kehidupan sehariannya. Menurut informan UW07 (2019), beliau mengamalkan solat sunat dhuha kerana pendapatannya sebagai seorang usahawan adalah bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT. Tambah beliau lagi, pendapatan usahawan berbeza dengan pendapatan bagi individu yang bekerja melalui pengurus kerana pekerjaan sebegitu akan mendapat gaji, namun sebagai usahawan, pendapatan adalah bergantung terhadap jumlah jualan yang berjaya di jual pada setiap bulan. Oleh itu, informan UW07 (2019) percaya bahawa pendapatan usahawan bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT. Pergantungan yang dimaksudkan adalah sekiranya perniagaan mencapai jualan, maka usahawan akan beroleh keuntungan yang lumayan. Pelaksanaan solat sunat dhuha yang dilaksanakan oleh informan

UW07 (2019) dilihat bertujuan mendapat keuntungan berbentuk material semata-mata. Walhal, pelaksanaan solat sunat dhuha adalah salah satu solat sunat yang dituntut untuk dilaksanakan (Abdul Razak Muthalib, 2016:153).

Hasil temu bual mendapati, informan UW01 (2019) melaksanakan solat sunat dhuha bukan semata-mata untuk meminta rezeki lebih daripada Allah SWT, tetapi sebagai tanda sedekah kepada Pencipta. Tujuan pelaksanaan solat sunat dhuha yang dilaksanakan oleh informan UW01 (2019) ternyata berbeza dengan tujuan pelaksanaan solat sunat dhuha yang dilaksanakan oleh informan UW07 (2019). Informan UW01 (2019) dilihat melaksanakan amalan solat sunat dhuha sebagai keperluan seorang hamba dan khalifah Allah SWT kepada Pencipta-Nya dan bukan bertujuan mengharapkan ganjaran berbentuk pendapatan yang lumayan seperti yang dijelaskan oleh informan UW07 (2019) sebelum ini.

Selain mengamalkan solat sunat dhuha¹¹, solat sunat tahajud¹² turut diamalkan oleh beberapa orang informan seperti informan UW01, UW03, UW05, UW06, UW07 dan UW10 (2019). Sebagai contoh, informan UW07 (2019) melaksanakan solat sunat tahajud sebagai solat sunat yang boleh menguatkan hubungan antara manusia dengan Pencipta kerana kekuatan dan bantuan daripada Allah SWT sentiasa ada bagi setiap hamba-Nya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa beliau menyedari tanggungjawab sebagai seorang hamba dan khalifah Allah SWT dan sentiasa mengharapkan pertolongan hanya kepada-Nya.

Bagi amalan solat sunat istikharah¹³ pula, antara informan yang mengamalkannya adalah informan UW01, UW03, UW05, dan UW06 (2019). Misalnya, informan UW01 (2019) menyatakan amalannya melaksanakan solat sunat istikharah seperti berikut:

“Sebelum tidur pula, dari dahulu lagi wajib bagi saya untuk melaksanakan solat sunat istikharah supaya diberi petunjuk oleh Allah SWT pada setiap hari. Kita perlukan petunjuk dari-Nya pada setiap hari dan bukan pada waktu yang memerlukan sahaja.”

Dapatan maklumat menunjukkan bahawa informan UW01(2019) menjadikan solat sunat istikharah sebagai amalan hariannya sebelum tidur supaya setiap perkara yang dilakukan dalam aktiviti sehariannya mendapat petunjuk daripada Allah SWT. Amalan yang dilaksanakan oleh informan UW01(2019) ini menunjukkan bahawa beliau sentiasa mengharapkan petunjuk daripada Allah SWT dalam setiap aspek urusan kehidupannya. Keadaan ini bertepatan dengan tujuan dan keperluan solat sunat istikharah iaitu solat yang dilaksanakan bagi memohon dan meminta petunjuk kebaikan dalam sesuatu urusan (Hakim Hamidon, 2014).

¹¹ Solat Sunat Dhuha merupakan solat sunat yang dilakukan pada waktu pagi selepas matahari terbit sehingga sebelum masuk waktu Zuhur. Bilangan rakaat untuk melakukan solat sunat ini adalah paling minimum sebanyak dua kali dan tiada had maksimum untuk melakukan lebih daripada dua rakaat (Ratchmat Ramadhana Al-Banjari, 2012:115).

¹² Tahajud bermaksud bangun daripada tidur. Solat Sunat Tahajud dilakukan pada waktu malam dan dilaksanakan selepas tidur terlebih dahulu meskipun hanya tidur sekejap (Mohammad Salleh, 2007:96).

¹³ Solat Sunat Istikharah bermaksud solat yang dilaksanakan meminta petunjuk daripada Allah SWT sekiranya mempunyai perasaan ragu-ragu terhadap pekerjaan yang dilaksanakan dalam kehidupan seharian (Abdul Salam Mohd Zain, 2004:155).

Antara amalan tambahan yang dilakukan oleh informan UW06 (2019) selain melakukan solat sunat dhuha, solat sunat tahajjud dan solat sunat istikharah adalah berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis. Amalan puasa sunat Isnin dan Khamis merupakan amalan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW berdasarkan hadith yang bermaksud:

“Daripada Hunaydah Ibn Khalid daripada isterinya daripada salah seorang isteri Nabi SAW bahawa Rasulullah SAW berpuasa pada Sembilan Zulhijjah, Hari Asyura dan tiga hari daripada setiap bulan (iaitu) hari Isnin pertama setiap bulan dan dua hari Khamis (Riwayat al-Nasa’iy, no. Hadith: 220)

Mohammad Zaini Yahaya *et al.* (2014) menjelaskan Hadith ini adalah berkaitan puasa sunat iaitu meskipun puasa sunat tidak diwajibkan, namun perkara-perkara sunat merupakan syarat utama untuk meraih rahmat dan nikmat daripada Allah SWT.

Selain itu, informan UW06 (2019) turut melazimi amalan membaca al-Quran dengan menjemput ustaz datang ke rumahnya untuk belajar bersama-sama dengan suami dan anak-anaknya. Menurut Muhammad Widus Sempo (2015), setiap individu digalakkan membaca al-Quran pada setiap hari bagi mendapat keberkatan meskipun bacaan adalah secara lancar atau pun tersekat-sekat.

Di samping itu, hasil temu bual mendapati amalan tambahan yang dilakukan oleh informan UW04 (2019) adalah dengan cara menetapkan jadual kelas membaca al-Quran kepada semua kakitangan syarikatnya. Kelas membaca al-Quran bagi staf perempuan ialah pada setiap pagi Rabu dan Jumaat, manakala kelas membaca al-Quran bagi lelaki pula adalah pada setiap pagi Khamis. Kelas membaca al-Quran yang dibuat adalah diajar oleh ustaz dan ustazah terlatih yang dijemput untuk mengajar cara pembacaan al-Quran dengan betul (UW04, 2019).

Berdasarkan beberapa amalan yang dilaksanakan, terbukti bahawa semua informan turut memiliki faktor kepatuhan beragama dalam kehidupan seharian. Perkara ini menunjukkan bahawa meskipun mereka sibuk dengan aktiviti perniagaan yang diusahakan, namun mereka tetap melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam kehidupan seharian. Justeru, bagi memperoleh kejayaan dalam perniagaan yang diusahakan, setiap usahawan perlu menitik beratkan aspek berpegang teguh pada agama Allah SWT dalam kehidupan seharian agar kejayaan yang dikecapi tidak hanya berakhir di dunia semata-mata namun turut memperoleh ganjaran di akhirat kelak.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, setiap informan sedar tentang tanggungjawab sebagai seorang Muslim dengan berpegang teguh pada agama Allah SWT. Amalan berpegang teguh pada agama Allah SWT yang dimaksudkan adalah melalui beberapa amalan harian, amalan tambahan, mengeluarkan zakat serta melaksanakan akhlak yang baik iaitu bersedekah yang dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Antara amalan yang dimaksudkan adalah menjaga solat fardu, melaksanakan pelbagai jenis solat sunat, mengamalkan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berzikir, berselawat, mengamalkan lafaz basmalah, surah al-Fatihah dan surah al-Ikhlâs,

memperbaharui niat, berpuasa sunat hari Isnin dan Khamis serta melazami bacaan al-Quran dan sentiasa bersedekah sama ada melalui sumbangan berbentuk wang ringgit mahupun berbentuk barangan keperluan. Justeru, setiap daripada mereka jujur dan amanah bagi memastikan produk kesihatan yang dihasilkan adalah selamat untuk digunakan kepada masyarakat.

Pada umumnya, agama merupakan hubungan manusia dengan Pencipta dan merupakan fitrah sejak azali lagi. Manusia merupakan makhluk Allah SWT yang dicipta dengan sebaik-baik kejadian. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian.*” (Surah al-Tin, 95:4).

Ayat 4 daripada surah al-Tin ini memberi maksud bahawa manusia iaitu makhluk Allah SWT diciptakan dengan sebaik-baik bentuk iaitu secara zahir dan batin serta bentuk tubuh dan nyawanya (HAMKA, 2017:278). Secara amnya, ayat tersebut menjelaskan mengenai manusia yang dipilih oleh Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi. Sebagai khalifah, manusia diberi tanggungjawab untuk mentadbir dunia. Justeru, agama Islam merupakan agama yang memberi kerahmatan kepada seluruh alam.

Bibliografi

- Abdul Razak Muthalib. (2016). *40 hadis palsu dan lemah popular*. Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Abdul Salam Mohd Zain. (2004). *Ingin tahu? Solat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Ahmad Adnan Fadzil & Amly Asenar. (2016). *Solat-solat sunat*. Selangor: Mustread Sdn. Bhd.
- Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. (2018). *Irsyad al-Hadith siri ke-258: doa selepas bacaan tahiyat*. Diakses daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/2347-irsyad-al-hadith-siri-ke-258-doa-selepas-bacaan-tahiyat> pada 17 Julai 2019.
- Dafna Kariv. (2011). *Entrepreneurship an international introduction*. New York: Routledge.
- Fatin Hafizah Mohd Shahar (2017). *Usahawan wanita kuasai perniagaan*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/12/364356/usahawan-wanita-kuasai-perniagaan> pada 18 April 2021.
- Haidzhir Hussin. (2014). *Indahnya solat berjemaah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Hakim Hamidon. (2014). *Mohonlah petunjuk dengan Solat Istikharah*. Selangor: Mustread Sdn. Bhd.
- Hamka, Abdul Malik Karim Amrullah. (2017e). *Tafsir Al-Azhar* (Jilid 5). Selangor: Pts Publishing House.
- Ibnu Katsir. (2011b). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir: Pengesahan Hadits berdasarkan kitab-kitab Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dan Ulama Ahli Hadists lainnya disertai pembahasan yang rinci dan mudah difahami* (Jilid 8). Abu Ihsan al-Atsari (Ed.). Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.

- Ibnu Katsir. (2011c). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir: Pengesahan Hadits berdasarkan kitab-kitab Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dan Ulama Ahli Hadists lainnya disertai pembahasan yang rinci dan mudah difahami* (Jilid 3). Abu Ihsan al-Atsari (Ed.). Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Ibnu Katsir. (2011d). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir: Pengesahan Hadits berdasarkan kitab-kitab Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dan Ulama Ahli Hadists lainnya disertai pembahasan yang rinci dan mudah difahami* (Jilid 7). Abu Ihsan al-Atsari (Ed.). Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Ibnu Katsir. (2011e). *Shahih Tafsir Ibnu Katsir: Pengesahan Hadits berdasarkan kitab-kitab Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani dan Ulama Ahli Hadists lainnya disertai pembahasan yang rinci dan mudah difahami* (Jilid 9). Abu Ihsan al-Atsari (Ed.). Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir.
- Iqbal Zain al-Jauhari. (2018). *Keajaiban 40 selawat pilihan*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- K. H. Miftah Faridi. (2014). *Indahnya ibadah Muslim kosmopolitan kaedah beribadah dalam kesulitan, kesibukan dan kesempitan kehidupan di bandaraya*. Selangor: PTS ISlamika Sdn. Bhd.
- Laman Portal Rasmi Pusat Pungutan Zakat. (2020). *Zakat perniagaan*. Diakses daripada <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-perniagaan/> pada 2 Januari 2020.
- Mohamad Uda Kasim. (2005). *Zakat teori kutipan dan agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Mohammad Salleh. (2007). *Terapi Solat Tahajud mukjizat penyembuh penyakit*. Kuala Lumpur: Pts Millennia Sdn. Bhd.
- Mohammad Zaini Yahaya et al. (2014). *Tafsir al-Maudhu'iy Ibadah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Gunawan Che Ab Aziz. (2003). *Solat kejayaan hakiki*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Zain Mubarak, Asyraf Ab. Rahman & Mohd Rafi Yaacob. (2015). Elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: Kajian terhadap usahawan berjaya di Negeri Kelantan, *Journal of Business and Social Develoment*, 3 (1), 45-53.
- Muhammad Abu Syauqi Banna. (2010). *Begitu romantis Rasulullah SAW*. Selangor: Kemilau Publika.
- Muhammad Abu Syauqi Banna. (2012). *Wanita juga boleh berbisnes*. Selangor: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Muhammad Ali Hashim. (2002). *Bisnes Satu Cabang Jihad, pembudayaan bisnes untuk survival*. Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sd. Bhd.
- Muhammad Widus Sempo. (2015). *Menggapai Husnul Khatimah*. Selangor: PTS Publishing House.
- Nazneen Ismail, Norul Huda Bakar, Mariam Abd Majid & Hasnan Kasan. (2019). Pengalaman hidup beragama dalam kalangan mahasiswa institut pengajian tinggi Islam di Malaysia. *Irsyad: journal of Islamic and contemporary issues*, 4(2), 78-93.
- Norita Deraman, Armanurah Mohamad, Habshah Bakar & Norashidah Hashim. (Edisi ke-2). (2010). *Keusahawanan teori dan praktis*. Malaysia: McGraw-Hill.

- Rachmat Ramadhana al-Banjari. (2012). *Mukjizat Solat Sunat Rasulullah*. Selangor: PTS Millennia.
- Sharifah Anisah Syed Agil Barakbah. (2019). Temu bual separa berstruktur telah dijalankan pada 21 Februari 2019 (3.30 p.m) dalam tempoh 2 jam 16 minit di Plaza Damas, Kuala Lumpur.
- Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan, Aidatul Najwa Harun Arrosyid, Mohammed Rizki Moi, Wan Suraya Wan Hassin & Wan Shahzinda Shah Shahr. Faktor-faktor yang Mempengaruhi kejayaan usahawan wanita Tekun: satu kajian dia Daerah Hulu Langat, *Proceeding of the 4th International Conference on management and muamalah 2017*.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah et al. (2014). *Tafsir al-Maudhu'iy ekonomi dan Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah et al. (2014). *Tafsir al-Maudhu'iy Kekeluargaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yatimah Sarmani Mohd Tajudin Ninggal. (2008). *Teori kaunseling al-Ghazali*. Selangor: PTS Islamika.
- Yazilmiwati @ Hasni Yaacob. (2016). *Kajian faktor-faktor kejayaan dan pencapaian usahawan Muslim di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- al-Zuhayliy, Wahbah. (2002). *Tafsir Al-Munir (Juz 1)*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia intel Multimedia and Publication.
- al-Zuhayliy, Wahbah. (2002). *Tafsir Al-Munir (Juz 27)*. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia intel Multimedia and Publication.
- al-Zuhayliy, Wahbah. (2016). *Tafsir Al-Munir (Jilid 10)*. Medan: Gema Insani.
- al-Zuhayliy, Wahbah. (2016). *Tafsir Al-Munir (Jilid 9)*. Medan: Gema Insani.